


Alkitab untuk Anak-anak memperkenalkan



Simson, Orang Kuat Tuhan



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Janie Forest
Alastair Paterson

Disadur oleh: Lyn Doerksen

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2024 Bible for Children, Inc.

Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau
mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

1

Dahulu kala, di tanah Israel, hidup seorang lelaki bernama Manoah. Dia dan isterinya tidak mempunyai anak. Pada suatu hari Malaikat TUHAN menampakkan diri kepada Isteri Manoah. "Anda akan mempunyai bayi yang sangat istimewa," katanya.




2


Dia memberitahu suaminya berita gembira itu. Manoah berdoa, "Ya Tuhanku... datanglah kepada kami lagi. Ajarlah kami apa yang akan kami harus lakukan untuk anak itu."



3



Malaikat itu memberitahu Manoah bahawa rambut anak itu tidak boleh dipotong, anak itu tidak boleh minum alkohol, dan tidak boleh makan makanan tertentu. Tuhan telah memilih anak ini untuk menjadi hakim. Dia akan memimpin Israel.



4



Umat Tuhan sememangnya memerlukan pertolongan.

Mereka meninggalkan Tuhan


daripada hidup mereka, dan kemudian dibuli oleh musuh mereka, orang Filistin. Tetapi apabila mereka berdoa kepada Tuhan dan Tuhan mendengar. Dia menghantar bayi ini yang akan menjadi lelaki terkuat di dunia.

5

"Maka perempuan itu melahirkan seorang anak laki-laki dan menamakannya Simson; maka anak itu bertambah besar, dan TUHAN memberkati dia.

Dan Roh TUHAN mulai mengerakkan hatinya."

Simson menjadi sangat kuat. Suatu hari dia melawan seekor singa muda dengan tangan kosong - dan membunuhnya!




6



Kemudian, Simson memakan madu dari lebah yang bersarang di mayat singa itu. Dia membuat teka-teki: "Dari yang makan keluar makanan, dari yang kuat keluar manisan."

7



Tiada seorang pun yang dapat meneka maksudnya - kecuali isteri baru Simson, seorang Filistin, yang memberitahu kawan-kawannya. Ini menyebabkan Simson sangat marah.


8

Simson menjadi semakin marah apabila orang Filistin memberikan isterinya untuk menjadi isteri sahabatnya. Dia merancang untuk membalas dendam. Tetapi bagaimana? Pertama, Simson menangkap 300 musang. Kemudian dia mengikat ekor mereka dua demi dua, dan meletakkannya di sebuah obor menyala di antara mereka.




9

Kemudian Simson melepaskan musang itu ke ladang gandum orang Filistin!



10

Sekarang orang Filistin ingin membalas dendam. Simson membiarkan dirinya ditangkap, diikat dan diserahkan untuk dibunuh oleh orang Filistin.



11

Tetapi Roh TUHAN berkuasa ke atas Simson. Dia memutuskan talinya, mengambil tulang rahang dari keldai yang baru mati, dan membunuh 1000 musuh.



12

Pasukan pencarian orang Filistin mencari Simson. Di suatu malam, mereka memerangkapnya di sebuah kota dan mengunci pintu gerbang kota. Tetapi Simson berjalan keluar - memikul pintu gerbang kota di atas bahunya!



13

Tetapi Simson mengecewakan Tuhan. Tuhan memberinya kekuatan baginya selagi dia taat. Suatu hari, Simson berkongsi rahsia kekuatannya dengan Delila, seorang pengintip Filistin yang cantik. Dia menyuruh seorang lelaki mencukur rambut Simson semasa dia tidur.




14



Kemudian tentera Filistin menyerang Simson di bilik tidur Delila. Simson bertarung bersungguh-sungguh - tetapi kekuatannya telah hilang. Musuh-musuhnya mencungkil matanya.

15




Buta dan lemah, Simson menjadi hamba orang Filistin. Mereka ketawa dan mengejek hamba Allah itu.

16




Orang Filistin mengadakan pesta. Mereka memuji dewa ikan mereka, dewa naga, kerana menyerahkan Simson ke dalam tangan mereka. Mereka minum dan bersukacita di kuil naga. Kemudian mereka memanggil Simson untuk mengadakan persembahan bagi mereka.

17




Seorang budak membawa Simson, dan membiarkan dia bersandar pada tiang-tiang sokongan utama kuil itu. Terdapat 3000 orang Filistin di atas bumbung, dan ramai lagi di dalam kuil, mereka semuanya mentertawakan dia.

18



Tetapi rambut Simson telah mula tumbuh semasa dia di dalam penjara. Sekarang dia berdoa, "Ya TUHAN Allah, kuatkanlah aku hanya sekali ini, supaya aku dapat membalas dendam untuk kedua mataku."

19



Adakah Tuhan akan memberi Samson kekuatan lagi? Bolehkah Simson melakukan perkara yang mustahil? YA! YA! Sambil memegang dan melambung, Simson memaksa tiang-tiang besar itu terpisah. Kuil naga itu runtuh, membunuh beribu-ribu orang Filistin - dan juga Simson!

20

Simson, Orang Kuat Tuhan


satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Hakim-hakim 13-16

"Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh." Mazmur 119:130

21



14

60

22

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa. Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihinya kita. Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita. Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga! Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya! Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah: Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi. Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya. Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu. Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari! Yohanes 3:16

23